

**TITAH  
SEMPENA SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN  
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI  
YANG KE 54 TAHUN**

**BERTEMPAT  
DI INSTITUT LATIHAN, ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI  
PADA HARI AHAD  
13 SYA'BAN 1435 BERSAMAAN 31 MEI 2015**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillahir rahmannir rahim

Alhamdulillah Hirabil Alamin,Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunyaaa Waddien, Was-Salatu wasallamu 'Alla Ashrafil Mursalain Sayddina Muhamadin Waaalaalhi Wasahbihee Ajma'een, Wa Ba'du.

Beta bersyukur kehadrat Allah swt kerana dengan limpah rahmatnya jua, dapatlah kita berhimpun lagi pada pagi ini bagi memperingati Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke 54 tahun.

Berkat kesepaduan dan komitmen seluruh rakyat dan agensi-agensi kerajaan serta peranan angkatan tentera yang berkesan maka negara kita Alhamdulillah sentiasa berada dalam suasana aman dan sejahtera tetapi walaubagaimanapun kesiapsiagaan untuk menghadapi sebarang ancaman adalah memerlukan angkatan tentera yang cekap lagi berkeupayaan.

Ini termasuk bagi menghadapi dan menangani kejadian-kejadian diluar dugaan yang berlaku didalam mahupun diluar negara. Kita masa ini tidak ketinggalan turut menjalin kerjasama pertahanan dan juga telah terpanggil untuk menghulurkan bantuan-bantuan kemanusiaan serta serasi keamanan diluar negera. Ini semua tentu saja memerlukan peningkatkan pengurusan pertahanan dan pembangunan keupayaan tentera angkatan bersenjata diraja brunei.

Keperluan ini lebih dirasakan lagi apabila sering terjadi pergolakan-pergolakan luar yang sering mengegarkan keselamatan. Semua itu tidak dapat dinafikan sebagai boleh mendedahkan kita kepada ancaman-ancaman yang bersifat conventional dan non-conventional. Berlandaskan scenario ini beta berharap Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan sentiasa waspada dan berpandangan jauh terhadap masa depan pertahanan dan keselamatan negara. Kita perlu bijak membuat perancangan berupa penyediaan prastruktur yang *robust* dan berkesan.

Kearah ini beta percaya inisiatif yang di ambil oleh Kementerian Pertahanan dalam mengendalikan *defense review* adalah bertepatan dan mampu untuk menghasilkan kesan yang positif. Tidak dapat dinafikan kemantapan dan kesinambungan angkatan tentera adalah didokong oleh anggota-anggotanya yang mencukupi dan berkualiti. Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kini mempunyai strategi penggambilan sumber manusia yang proaktif yang boleh menarik minat para belia yang berkelayakan dan celik teknologi.

Aspek-aspek disiplin dan integriti juga perlu ditekankan sebagai elemen penting dalam pengurusan sumber manusia. Seluruh warga tentera hendaklah memperkuuhkan semangat cintakan institusi sambil menjaga imej dan nama baik ABDB. Tindakan terhadap anggota yang melanggar undang-undang dan disiplin walau sekecil manapun hendaklah dilaksanakan kerana jika tidak ia akan menjadi duri dalam daging kepada institusi dalam ketenteraan. Dalam pada itu semua peringkat kepimpinan adalah bertanggungjawab untuk memperkasa jiwa dan kerohanian setiap anggota yang berlandaskan nilai-nilai teras Angkatan Bersenjata Diraja Brunei iaitu Takwa Setia Berani dan Profesional.

Akhir kata beta mengucapkan Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke 54 dan semoga seluruh warga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan sentiasa berada dibawah perlindungan dan petunjuk Allah Swt jua.

Sekian, Wabilahit Taufeq Walhidayah  
Wassalammualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.